ACETYLCYSTEINE SANDOZ EFFERVESCENT TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Acetylcysteine (200 mg and 600 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Acetylcysteine Sandoz
2. Bagaimana Acetylcysteine Sandoz berfungsi
3. Sebelum anda mengambil Acetylcysteine Sandoz
4. Cara menggunakan Acetylcysteine Sandoz
5. Semasa menggunakan Acetylcysteine Sandoz
6. Kesan-kesan sampingan
7. Penyimpanan dan pelupusan Acetylcysteine Sandoz
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

APAKAH KEGUNAAN ACETYLCYSTEINE SANDOZ

Acetylcysteine Sandoz diggunakan untuk mengurangkan kelikatan rembesan dari saluran pernafasan.

BAGAIMANA ACETYLCYSTEINE SANDOZ BERFUNGSI

Acetylcysteine Sandoz mengandungi acetylcysteine.
Acetylcysteine dapat mengurangkan kelikatan lendir dari saluran pernafasan, dan telah terbukti dapat memberi kesan dalam kahak.

SEBELUM MENGGUNAKAN ACETYLCYSTEINE SANDOZ

- *Bila tidak boleh menggunakan*

- Jika anda alah (hipersensitif) kepada Acetylcysteine, atau kepada mana-mana bahan kandungan lain.
- Jika anda mempunyai penyakit diwarisi yang meyebabkan asid amino yang dipanggil *phenylalanine* untuk membina di dalam badan atau anda alah kepada *aspartame* (pemanis buatan).
- Jika anak anda umur bawah 2 tahun.
- Jika anda mengalami serangan asma yang teruk.
- Jika anda mempunyai penyakit ulser duodenal atau gastrik kronik.

- *Sebelum menggunakan Acetylcysteine Sandoz*

- Pesakit yang ada penyakit asma perlu dipantau dengan teliti. Rawatan dengan acetylcysteine hendaklah dihentikan apabila sesak nafas. Bau sulfur pada pembukaan paket bukan disebabkan oleh kemerosotan produk, tetapi adalah disebabkan oleh bahan aktif.
- Ubat-ubatan lain tidak boleh digunakan bersama-sama dengan larutan acetylcysteine.
- Perhatian perlu diberikan jika anda mempunyai intoleransi kepada histamin.
- Perhatian perlu diberikan jika anda perlu mengamalkan diet natrium yang terkawal (natrium rendah / garam rendah).
- Perhatian perlu diberikan jika anda mempunyai intoleransi kepada laktosa atau fruktosa.
- Beritahu doktor jika anda mengandung atau merancang untuk hamil atau menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat yang terlibat.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau telah baru-baru ini mengambil apa-apa ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi.
Antibiotik yang diambil melalui mulut perlu diberikan secara berasingan dan selang sekurang-kurangnya 2 jam.
Activated charcoal boleh mengurangkan kesan acetylcysteine.

CARA MENGGUNAKAN ACETYLCYSTEINE SANDOZ

- *Berapa banyak harus digunakan*

Sentiasa mengambil ubat anda seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda harus semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

200 mg:
Kanak-kanak lebih 2 tahun: 100 – 200 mg 2 kali sehari
Dewasa: 200 mg 3 kali sehari

600 mg:
Dewasa: 600 mg sekali sehari
Larutkan satu biji Acetylcysteine Sandoz dalam kira-kira setengah gelas air, elakkan penambahan ubat-ubatan lain dalam larutan. Ambil ubat selepas makan. Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Sentiasa ambil ubat ini betul-betul seperti yang diberitahui oleh doktor atau ahli farmasi anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkam oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Jika anda terlepas satu dos, biarkan dan ambil dos seterusnya apabila ia perlu diambil.
Selepas itu, teruskan pengambilan seperti sebelum ini. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.
Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai ubat ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Sila bawa bersama pek tablet yang masih berada dengan anda.

SEMASA MENGAMBIL ACETYLCYSTEINE SANDOZ

- *Perkara yang perlu dilakukan*

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Acetylcysteine Sandoz.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

ACETYLCYSTEINE SANDOZ EFFERVESCENT TABLET

Acetylcysteine (200 mg and 600 mg)

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Acetylcysteine Sandoz dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Memandu dan menggunakan mesin
Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan mesin. Hubungi doktor anda dengan segera.

KESAN-KESAN SAMPINGAN
Seperti semua ubat, Acetylcysteine Sandoz boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.
Sila beritahu doktor anda atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Acetylcysteine Sandoz boleh menyebabkan alergi teruk dan tindak balas kulit yang serius. Berhenti menggunakan Acetylcysteine Sandoz dan dapatkan bantuan perubatan segera jika anda mengalami sebarang gejala-gejala berikut:

- Alahan teruk: kesukaran bernafas, pening, bengkakan kulit atau ruam.
- Reaksi kulit yang teruk: kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicine (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN

- *Penyimpanan*

Simpan di bawah 30°C.
Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.
Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput.

- *Pelupusan*

Ubat tidak sepatutnya dilupuskan ke dalam air buangan atau bersama sampah-sarap di rumah anda. Tanya ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

MAKLUMAT LANJUT

- *Rupa dan warna produk*

Acetylcysteine Sandoz 200 mg effervescent tablet
Tablet putih, bulat, rata, *scored* di sebelah permukaan, berbau *blackberries*, diameter 18 mm.

Boleh dibahagikan kepada dua.

Acetylcysteine Sandoz 600 mg effervescent tablet
Tablet putih, bulat, rata, *scored* di sebelah permukaan, berbau *blackberries*, diameter 20 mm.

Boleh dibahagikan kepada dua.

- *Bahan-bahan kandungan*

Bahan aktif
Setiap *effervescent* tablet **Acetylcysteine Sandoz 200 mg** mengandungi 200 mg acetylcysteine.

Setiap *effervescent* tablet **Acetylcysteine Sandoz 600 mg** mengandungi 600 mg acetylcysteine.

Bahan tidak aktif
Ascorbic acid, sodium citrate dihydrate, mannitol, saccharin sodium, citric acid anhydrous, sodium cyclamate, sodium hydrogen carbonate, lactose anhydrous, sodium carbonate anhydrous, blackberry flavour.

- *Nombor MAL*

Acetylcysteine Sandoz 200 mg effervescent tablet:
MAL17107049XCZ

Acetylcysteine Sandoz 600 mg effervescent tablet:
MAL17107050XCZ

PENGILANG
Hermes Pharma GmbH,
Hans-Urmiller-Ring 52,
82515 Wolfratshausen,
Germany.

PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK
Sandoz Products Malaysia Sdn. Bhd.,
3A-2 & 3A-3, Level 3A, Menara KEN TTDI,
No. 37, Jalan Burhanuddin Helmi, Taman Tun Dr Ismail,
60000 Kuala Lumpur, Malaysia

TARIKH KEMASKINI RiMUP
25/06/2026

NOMBOR SIRI
NPRA(R2/1)240320/1231